

Kajian Awal Taburan Pokok Herba dan Kesedaran Fungsi Herba Masakan, Kosmetik dan Perubatan di Daerah Jeli, Kelantan, Malaysia

Asraf fizree bin Mohamad @ Abdullah
Jabatan Agroteknologi Dan Bioindustri Politeknik Jeli Kelantan
asraf@pjk.edu.my

ABSTRAK

Herba merupakan tanaman yang mempunyai khasiat yang tinggi di bandingkan dengan tanaman lain. Tanaman herba adalah tanaman yang digunakan secara meluas di seluruh dunia. Secara am herba bermaksud semua jenis tumbuhan yang mana bahagiannya termasuk daun, batang, buah, kulit batang, akar, atau pun bunga mempunyai nilai perubatan dan juga boleh dijadikan makanan kesihatan tambahan, pewangi didalam industri bau-bauan dan kosmetik. Jeli merupakan daerah yang masih kaya dengan kepelbagaian budaya dan warisan masyarakat Melayu tradisional. Masyarakat di Jeli masih mengamalkan konsep perkarangan tanaman herba. Objektif kajian ini adalah untuk membuat kajian awal taburan pokok herba yang didapati tumbuh meluas di sekitar kawasan ini. Kajian ini juga menjerumus kepada kesedaran penduduk daerah ini tentang kegunaan pokok herba dan fungsinya kepada pengguna. Kaji selidik di 46 buah kampung dalam daerah Jeli. Antara tumbuhan herba yang ditemui sepanjang kajian ini adalah serai, halia, hempedu bumi, daun pandan, pegaga, kunyit, mahkota dewa dan banyak lagi.

Kata Kerja : Perubatan Tradisional, Herba

1.0 PENDAHULUAN


Produk herba lazimnya ditakrifkan sebagai mengandungi bahan semula jadi herba, rempah, tumbuh-tumbuhan beraroma dan digunakan untuk berubat. Bahan mentah, ekstrak dan minyak daripada tumbuhan herba digunakan dengan meluas dalam makanan dan minuman, bahan farmaseutikal, ubat tradisional, bahan penjagaan kesihatan, makanan kesihatan, kosmetik dan produk penjagaan diri.

Malaysia sebenarnya kaya dengan pelbagai jenis herba dan dianggarkan hampir 2,000 spesies tumbuhan perubatan dan herba yang berpotensi untuk dibangunkan serta mempunyai nilai komersial dan kualiti perubatan yang tinggi. Di Malaysia, terdapat kira-kira 1230 spesies tumbuh-tumbuhan yang telah dimanfaatkan dalam pelbagai bentuk ubat-ubatan herba. Namun begitu dilaporkan hanya 300 spesies sahaja setakat ini yang baru diterokai dan dipertingkatkan dalam industri herba di negara kita.

Tujuan utama kajian adalah mengenalpasti kepelbagaian spesies herba yang terdapat di kawasan jajahan Jeli, merekod amalan dan kaedah penggunaan herba secara tradisional berdasarkan temuramah bersama penduduk sekitar dan menjadikan Politeknik Jeli sebagai hub pengumpulan herba utama di kawasan Jeli dan Kelantan.

2.0 METODOLOGI

Kajian ini dijalankan di seluruh kawasan Jeli dengan mengambil kira penduduk Jeli sebagai responden. Kaedah ini dilakukan kerana responden adalah dipilih berdasarkan kesediaan dan secara sukarela.




Saiz sampel ditentukan berdasarkan kajian oleh (Roscoe, 1975), dimana ianya memerlukan saiz sampel lebih dari 30 dan kurang daripada 500 adalah sesuai untuk penyelidikan ini. Oleh itu, saiz sampel yang digunakan adalah 150 responden untuk menjawab soalan selidik.

3. KEPUTUSAN




Rajah 3.1 Peta Jeli, Kelantan

Herba Di Sekitar Jeli Khusus Di Kampung Gunung Reng




Rajah 3.2 Rajah menunjukkan herba di sekitar Jeli yang mengkhususkan kepada kampung sekitar Gunung Reng.

Herba Di Sekitar Jeli Khusus Di Ayer Lanas




Rajah 3.3 Rajah menunjukkan herba di sekitar Jeli yang mengkhususkan kepada kampung sekitar Ayer Lanas.

Herba Di Sekitar Jeli Khusus Di Kuala Balah



Rajah 3.3.3 : Rajah menunjukkan herba di sekitar Jeli yang mengkhususkan kepada kampung sekitar Kuala Balah.

3.1 Jenis Herba Di Kawasan Jeli



Rajah 3.3.4 : Rajah di atas menunjukkan jenis herba dijumpai sekitar daerah Jeli.

5. KESIMPULAN

Tanaman herba ini mudah didapati melalui orang kampung sekitar daerah Jeli kerana mereka menggunakan, mempercayai akan kelebihan khasiat yang terdapat pada tanaman herba berbanding ubat-ubatan moden. Faktor pembajakan, pembajakan dan jenis tanah juga amat penting untuk tanaman herba kerana mungkin ada sesetengah tanaman herba memerlukan penjagaan yang sangat rumit. Dengan ini, kami hanya mendapatkan tanaman herba yang sesuai dengan semua keadaan tanah supaya mudah untuk kami melakukan penanaman semula dan melakukan akitiviti pembajaan. Maka dengan ini, terhasillah taman tanaman herba di Politeknik Jeli Kelantan. Berdasarkan perbincangan yang telah dilakukan, terdapat beberapa cadangan yang dapat membantu untuk meneruskan kajian ini. Antara cadangan yang telah dikenalpasti seperti berikut :

1. Menambah lebih banyak tanaman herba di taman herba Politeknik Jeli Kelantan.
2. Menambah baik tapak tanaman herba supaya kelihatan lebih menarik.
3. Mempelbagaikan tanaman herba dan kemudahan yang berada di taman herba.

6. PENGHARGAAN

Penghargaan yang tinggi diberikan kepada semua yang terlibat dalam kajian initerutamanya kepada pengurusan tertinggi Politeknik Jeli Kelantan. Begitu juga kepada staf danpelajar yang terlibat secara langsung dan tidak langsung kepada kejayaan kajian ini.

Rujukan

Alabama Cooperative Extension. 2010. *Growing Herbs*. Publication ANR-1164.

Alnaqeeb, M.A., Thomson, M., Bordia, T. dan Ali, M. (1996).

Histopathological effects of garlic on liver in lung of rats. *Toxicology Letters* 85: 157 – 64

Azizol, A.K. dan Rasadah, M.A. (2000). R&D approach to herbs and herbal product. *Proceedings Herbs - An International Conference & Exhibition* 9 – 12Nov. 1999, Seri Kembangan, m.s. 16 – 20. Serdang: MARDI

Bajaj, P. (2007). Clinical considerations of alternative medicine. *Indian Journal of Anaesthesia* 51(3): 167 – 168

Bandaranayake, W.M. (2006). Quality control, screening, toxicity and regulation of herbal drugs. Dalam: *Modern Phytomedicine. Turning Medicinal Plants into Drugs*. (Ahmad, I, Aqil, F. dan

Owais, M., ed.), m.s. 25 – 57. Weinheim: Wiley-VCH Verlag GmbH & Co

Boyer, E.W. (2005). Issues in the management of dietary supplement use among hospitalized patients. *Journal of Medical Toxicology* 1(1): 30 – 34

Caragay, A.B. (1992). Cancer-preventative foods and ingredients. *Food Technol.* 46: 65 – 68

De Padua, L.S., Bunyapraphatsara, N. dan Lemmens, R.H.M.J. (ed.)(1999). *Plant Resources of South-East Asia.No. 12(1). Medicinal and poisonous plants 1*, m.s. 21 – 70. Leiden: Backhuys

Ernst, E. (2002). The risk-benefit profile of commonly used herbal therapies:Ginkgo, St. John's Wort, Ginseng, Echinacea, Saw Palmetto and Kava.*Annals of Internal Medicines* 136: 42 – 53